Wacana Emansipasi Wanita Menurut Pemikiran Abdul Kadir Adabi dalam Novel Melati Kota Bharu

BITARA
Volume 9, Issue 2, 2026: 82-98
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 5 March 2026
Accepted: 8 April 2026
Published: 7 May 2026

[The Discourse on Women's Emancipation According to the Thought of Abdul Kadir Adabi in the Novel Melati Kota Bharu]

Norazan Mat Nor & Burhan Daud[1*]

1 Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Beg Berkunci No. 1, 16300 Bachok, Kelantan, MALAYSIA.
E-mail: norazan833@gmail.com; burhan@umk.edu.my

*Corresponding Author: norazan833@gmail.com

Abstrak

Kajian ini menganalisis wacana emansipasi wanita dalam karya Abdul Kadir Adabi dengan fokus kepada novel *Melati Kota Baharu* sebagai teks yang mencerminkan pemikiran reformis penulis terhadap kedudukan wanita Melayu dalam era kolonial awal abad ke-20. Permasalahan kajian berpunca daripada kecenderungan sarjana terdahulu yang menekankan kajian dalam aspek nasionalisme dan kritik sosial. Pengkaji kurang meneliti bagaimana tokoh ini mengaplikasikan gagasan pembebasan wanita melalui wacana pendidikan, autonomi perkahwinan dan mobiliti sosial dalam novelnya. Jurang kajian ini mengakibatkan sumbangan Abdul Kadir Adabi terhadap sejarah kesedaran *gender* Melayu awal tidak diberi perhatian sewajarnya. Objektif kajian adalah pertama untuk mengenal pasti bentuk wacana emansipasi wanita yang diketengahkan Adabi,Kedua menganalisis hubungan antara idea tersebut dengan struktur kuasa sosial dan kolonial, ketiga menilai bagaimana penulis membina model wanita moden yang terdidik dan berdaya menentukan masa depan sendiri.Metodologi kajian menggunakan analisis teks kualitatif, pembacaan dekat, kajian sejarah sosial serta semakan silang sumber akhbar dan karya ilmiah. Data teks novel *Melati Kota Baharu* diterbitkan pada tahun 1938. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Abdul Kadir Adabi membawa wacana emansipasi yang bersifat reformis dan moden serta tidak meniru feminisme Barat tetapi bersumberkan wacana pembaharuan Islam dan pemikiran moden Melayu. Watak Tengku Maimunah diangkat sebagai agen pembaharuan sosial, memperoleh pendidikan, kebebasan memilih pasangan, hak wanita dan peluang membina masyarakat. Karyanya sarat dengan kritikan hegemoni *patriarki* dalam Ruang Kuasa. Implikasi kajian, membangkitkan kesedaran nasionalisme *gender* Melayu telah bermula lebih awal daripada gerakan wanita pasca 1940-an. Kajian ini memperluas kajian sejarah intelektual Melayu, mengangkat Abdul Kadir Adabi sebagai pemikir *gender* yang signifikan dan membuka kajian lanjutan dalam wacana sastera kolonial, historiografi wanita dan penggunaan teori tempatan dalam analisis *gender.*

Kata Kunci: Emansipasi Wanita Abdul Kadir Adabi Melati Kota Bharu

Abstract

This study analyses the discourse of women's emancipation in the works of Abdul Kadir Adabi, with a particular focus on the novel *Melati Kota Baharu* (1938) as a text that reflects the author's reformist thinking on the position of Malay women in the early twentieth-century colonial context. The research problem arises from the tendency of earlier scholars to emphasise nationalism and social critique in Adabi's works, while paying insufficient attention to how he articulates ideas of women's liberation through discourses of education, marital autonomy, and social mobility. This gap has resulted in Abdul Kadir Adabi's contribution to the early history of Malay *gender*

consciousness being insufficiently recognised. Accordingly, this study pursues three main objectives: first, to identify the forms of women's emancipation discourse advanced by Abdul Kadir Adabi in *Melati Kota Baharu*; second, to analyse the relationship between these ideas and the prevailing social and colonial power structures; and third, to evaluate how the author constructs a model of the modern woman who is educated, autonomous, and capable of determining her own future. The study employs a qualitative methodology involving textual analysis and close reading, supported by social historical analysis and cross-referencing with contemporary newspaper sources and relevant scholarly works. The findings reveal that Abdul Kadir Adabi advances a reformist and modern discourse of women's emancipation that does not imitate Western feminism. Instead, this discourse is grounded in Islamic reformist thought and modern Malay intellectual traditions. The character of Tengku Maimunah is portrayed as an agent of social reform who gains access to education, freedom in choosing a marriage partner, the assertion of women's rights, and opportunities to contribute to societal development. The novel is also imbued with a critique of patriarchal hegemony operating within social and colonial power structures. The implications of this study demonstrate that Malay *gender*-based nationalist consciousness emerged earlier than previously assumed, preceding the more organised women's movements of the post-1940s period. Overall, this study expands the scope of Malay intellectual history by positioning Abdul Kadir Adabi as a significant *gender* thinker, while opening avenues for further research in colonial literature, women's historiography, and the application of local theoretical frameworks in *gender* analysis.

Keywords: Women's emancipation; Abdul Kadir Adabi; *Melati Kota Baharu*.

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Norazan Mat Nor & Burhan Daud. (2026). Wacana Emansipasi Wanita Menurut Pemikiran Abdul Kadir Adabi dalam Novel Melati Kota Bharu [The Discourse on Women's Emancipation According to the Thought of Abdul Kadir Adabi in the Novel Melati Kota Bharu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(2): 82-98.

PENGENALAN

Wacana emansipasi wanita dalam masyarakat Melayu awal abad ke-20 berkembang sebagai sebahagian daripada reaksi terhadap arus modenisasi, kesedaran nasionalisme, dan pembaharuan agama yang melanda Tanah Melayu. Dalam tempoh tersebut, gagasan mengenai kedudukan wanita tidak lagi terikat semata-mata kepada adat *patriarki* Melayu tradisional, tetapi turut dipengaruhi oleh dua arus besar iaitu idea feminisme Barat dan gagasan reformis Islam. Kedua-dua arus ini mewujudkan suatu ruang wacana yang dinamik, di mana perbahasan tentang pendidikan, hak sosial, dan peranan wanita menjadi semakin signifikan. Abdul Kadir Adabi sebagai tokoh reformasi dan penulis, intelektual dan penggerak sosial. Beliau muncul sebagai tokoh penting yang menonjolkan wacana ini melalui karya kreatifnya novel *Melati Kota Bharu*. Walaupun pergerakan feminisme dan reformasi pendidikan wanita telah dikaji secara meluas dalam konteks Barat. Namun kajian tentang emansipasi wanita dalam sastera Melayu awal abad ke-20 khususnya karya Abdul Kadir Adabi, masih terhad. Kajian penyelidik ini berusaha menangani kekosongan tersebut dengan meneliti bagaimana novel *Melati Kota Bharu* membentuk dan mengangkat wacana emansipasi wanita di Kelantan.

Kajian terdahulu banyak memberi fokus kepada perkembangan gerakan wanita melalui perspektif sejarah sosial seperti tulisan W.R. Roff (1967) Barbara Andaya(2006) dan Leonard

Andaya (2017). Perspektif Barat melihat emansipasi wanita berakar daripada perjuangan menuntut kesaksamaan pendidikan, keupayaan membuat keputusan autonomi, dan kebebasan sosial. Misalnya, Mary P. Ryan (1980) melihat pergerakan wanita di Amerika dan Eropah selepas Perang Dunia I menekankan pendidikan dan pekerjaan sebagai syarat penting untuk memperkukuh kedudukan wanita dalam masyarakat. Namun sastera Melayu sekitar 1920 hingga 1940 seperti karya Ahmad Rashid Talu, Syed Sheikh al -Hadi dan Abdul Kadir Adabi tidak dikaji secara mendalam sebagai sumber wacana emansipasi wanita. Meskipun *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Sheikh al-Hadi dinobatkan sebagai lambang emansipasi wanita namun karya Abdul Kadir Adabi yang banyak mengemukakan gagasan progresif tentang pendidikan perempuan, penolakan *patriarki* feudal Melayu dan pembebasan sosial melalui mobiliti ilmu kurang diteliti. Selain itu, era ini juga menyaksikan kurangnya kajian tentang hubung kait wanita dengan proses nasionalisme awal Melayu. Kajian juga kurang diberi penelitian tentang pengalaman wanita kelas marhaen berbanding dengan wanita Melayu bangsawan yang sering dibahaskan. Manakala majalah dan akhbar *Pengasuh, Al-Ikhwan, Majlis* ketika itu dilihat sedikit terabai dalam membahaskan isu wacana tentang emansipasi wanita. Selain itu, kekurangan yang ketara dalam menggunakan pendekatan teori moden untuk menganalisis pemikiran wanita awal Melayu secara kritis.

Adalah diharapkan kajian ini berupaya untuk menutup jurang tersebut dengan meneliti bagaimana novel *Melati Kota Bharu* menampilkan wanita sebagai agen perubahan sosial. Kajian ilmiah oleh sejarawan seperti Zubaidah Abu Bakar (1994) dalam tesis *"Wanita Melayu dalam Arus Modenisasi 1900–1941"* menunjukkan bahawa pendidikan moden, kemunculan sekolah perempuan, serta penyertaan wanita dalam organisasi sosial memainkan peranan besar dalam memperkukuh kesedaran emansipasi dalam kalangan wanita Melayu. Sarjana lain seperti Rogayah A. Hamid dan Liaw Yock Fang turut menegaskan bahawa majalah-majalah Melayu seperti *Al-Imam, Pengasuh, dan Majlis* menjadi medium penting yang memperluaskan wacana *gender* di Tanah Melayu ketika itu.

Kajian terhadap pemikiran Abdul Kadir Adabi menjadi relevan kerana ia menyediakan satu kerangka untuk memahami emansipasi wanita, antikolonial dan modenisasi sosial di Tanah Melayu. Novel Melati Kota Bharu ini bukan hanya kisah percintaan bangsawan Kelantan, tetapi juga medan kritikan sosial yang mengangkat wanita sebagai agen perubahan. Watak-watak wanita yang ditampilkan bukan sekadar simbol kecantikan tetapi mewakili idealisme pendidikan, kematangan berfikir, dan kemampuan menentukan hala tuju hidup sendiri. Dalam kajian akademik, karya Abdul Kadir sering dirujuk sebagai antara teks awal yang memperlihatkan wacana emansipasi wanita Melayu dalam bentuk yang seimbang menggabungkan unsur pendidikan moden dan prinsip Islam. Misalnya Zubaidah Abu Bakar (2004) menegaskan bahawa wanita Melayu 1920 hingga 1940 menyedari pentingnya pendidikan sebagai alat transformasi diri dan keluarga. Kajian ini menekankan bahawa usaha pendidikan wanita bukan semata-mata penerapan model Barat tetapi turut disesuaikan dengan konteks tempatan, adat dan ajaran Islam yang menonjolkan kesedaran akan peranan wanita dalam masyarakat yang sedang melalui perubahan sosial. Abdul Kadir Adabi, melalui gaya penulisan realis sosial, mencerminkan konflik budaya dan nilai yang berlaku dalam masyarakat Melayu Kelantan.

TINJAUAN LITERATUR

Sejumlah kajian lepas telah menyorot wacana emansipasi wanita dalam sastera Melayu awal abad ke-20.Ianya merupakan satu jalur pemikiran yang paling signifikan tetapi sering terpinggir dalam historiografi pembinaan kesedaran *gender* Melayu. Novel *Melati Kota Bharu* misalnya merupakan karya Abdul Kadir Adabi dilihat muncul sebagai teks yang bukan sahaja mengungkapkan konflik sosial dan adat tetapi turut mempamerkan gagasan pembebasan wanita yang bersifat reformis dan mendahului gerakan wanita formal pada era pasca Perang Dunia Ke 2. Kajian ini akan menghuraikan bagaimana pemikiran *gender* Abdul Kadir Adabi terbentuk dalam kerangka sosiobudaya kolonial serta menilai wacana emansipasi yang tampil melalui naratif dan watak. Pengkaji juga akan menilai pendapat sarjana yang menyokong kedudukan Abdul Kadir Adabi sebagai pelopor kesedaran *gender* moden Melayu tradisional. Analisis ini juga dibangunkan dengan rujukan akademik yang sahih, kajian sejarah serta menggunakan politik *Dua Ruang* oleh Shamsul Amri Baharuddin untuk memberikan gambaran tentang pertentangan antara idea dan kuasa dalam novel.

Dalam konteks Britain, Joan Scott (1986) menegaskan bahawa feminisme awal menuntut pengiktirafan terhadap hak-hak politik wanita, terutamanya hak mengundi, serta penglibatan dalam urusan awam, tetapi pendekatan mereka tetap berlandaskan nilai liberal yang menekankan hak individu dan kebebasan peribadi. Scott juga menekankan bahawa walaupun gerakan ini mendorong pembaharuan, ia masih menghadapi rintangan sosial dan budaya, termasuk stereotaip *gender* yang kukuh dan peranan tradisional wanita dalam keluarga. Selain itu, di Eropah Kontinental, Simone de Beauvoir (1949) dalam *Le Deuxième Sexe* mengulas bagaimana wanita dikekang oleh struktur sosial dan *ekspektasi* budaya. Walaupun karyanya diterbitkan selepas 1940, pemikiran awalnya sudah mula dibentuk oleh realiti antara perang dunia dan transformasi ekonomi serta pendidikan wanita yang bermula pada 1920-an hingga 1940-an. Beauvoir menekankan bahawa emansipasi memerlukan pengiktirafan terhadap kemampuan wanita untuk menentukan nasib sendiri dan menolak dominasi *patriarki.* Pendapat Beauvoir dilihat sealiran dengan sejarawan W.R.Roff (1967)yang menegaskan bahawa pemodenan masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 ditandai oleh kemunculan kelas intelektual baharu yang membawa gagasan reformasi sosial melalui medium tulisan dan institute Pendidikan. Namun Roff mengingatkan bahawa dalam arus *refomisme* tersebut, suara wanita dan kesedaran gender masih kurang diterokai dan tidak diberikan ruang wacana yang memadai. Kehadiran penulis Abdul Kadir Adabi dalam dunia kesusasteraan Melayu tradisional mengukuhkan lagi jurang tersebut kerana beliau mewakili kelompok penulis lelaki yang tegas dan berani melontarkan isu wanita sebagai medan kritikan sosial dan menjadi perdebatan hangat ketika itu.

Kenyataan Roff dilihat sealiran dengan Mohd Talib Osman (1998) yang menjelaskan bahawa sastera Melayu bukan sekadar wadah hiburan tetapi merupakan mekanisme pembentukan kesedaran sosial dalam masyarakat. Beliau melihat penulis seperti Abdul Kadir Adabi sebagai pelaku budaya yang berperanan menciptakan wacana baharu termasuklah wacana *gender* melalui naratif dan simbolisme. Kenyataan Mohd Talib Osman mempunyai naratif yang sama dengan Muhammad Haji Salleh (1991) dengan menyatakan bahawa dalam sastera moden sering dijadikan simbol perubahan dan menjadi tapak pertembungan antara tradisi dan ideologi kemajuan. Misalnya melalui watak Tengku Maimunah sebagai

perlambangan wanita yang berpendidikan dan berprinsip. Ini adalah kerana kebanyakan tokoh reformasi sering menampilkan wanita sebagai agen transformasi moral dan sosial. Watak Tengku Maimunah bukan sahaja sebagai objek yang mencipta konflik tetapi juga sebagai objek yang boleh mentafsirkan semula tentang maruah, hak dan kebebasan diri.

Secara umum, penulis Barat melihat emansipasi wanita sebagai satu proses evolusi yang berfokus kepada pendidikan dan literasi sebagai asas kesedaran dan pembebasan. Hak berpolitik dan bersosial untuk menyertai keputusan. Menurut Mary P. Ryan (1980)**,** pergerakan wanita di Amerika dan Eropah selepas Perang Dunia I menekankan pendidikan dan pekerjaan sebagai saranan penting untuk memperkukuh kedudukan wanita dalam masyarakat. Keadaan ini berbeza dengan perspektif Islam memberikan landasan moral dan intelektual yang berbeza tetapi signifikan terhadap wacana emansipasi. Pemikiran tokoh-tokoh reformis seperti Syed Syeikh Ahmad al-Hadi dan kelompok Kaum Muda memperkenalkan tafsiran baharu terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis berkenaan pendidikan serta tanggungjawab sosial wanita. Dalam gagasan ini, wanita bukan hanya penjaga rumah tangga tetapi juga individu berilmu yang mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Kehadiran pemikiran Abdul Kadir Adabi tidak lahir dalam keadaan mengecewakan bahkan ianya berkait rapat dengan tradisi *reformisme* Islam di alam Melayu yang banyak dipengaruhi oleh gerakan pembaharuan Timur Tengah. Kenyataan di atas boleh disokong dengan kenyataan Mohd Yusof Abdullah (2003) melihat bahawa pemikiran Abdul Kadir Adabi dipengaruhi *reformisme* Islam dan modernisme Melayu yang progresif. Mohd Yusof menegaskan bahawa wacana wanita dalam karya Abdul Kadir Adabi bukan institusi feminisme Barat, tetapi merupakan adaptasi pemikiran pembaharuan Islam yang lebih holistik, berdasarkan kesedaran moral, akal budi dan keadilan sosial. Hal ini terbukti dalam konflik Tengku Maimunah yang menolak perkahwinan paksa bukan atas alasan hak individu semata-mata tetapi untuk mempertahankan maruah dan integriti diri.

Syed Hussein Alatas (1977) menjelaskan bahawa *reformisme* Melayu menekankan kesedaran moral, kritikan struktur sosial dan penghapusan penindasan dalaman termasuklah yang bersifat *patriarki.* Pendapat Syed Hussien sedikit sebanyak membuka ruang untuk memahami pemikiran Abdul Kadir Adabi yang mengkritik adat serta mengongkong wanita sebagai satu bentuk kolonialisme budaya yang melumpuhkan potensi bangsa terutamanya melibatkan wanita. Dalam Melati Kota Baharu, kritikan terhadap sistem *patriarki* amat jelas menimbulkan konflik antara Tengku Maimunah dengan kaum kerabat keluarga bangsawan yang memaksanya tunduk kepada adat perkahwinan tradisional. Manakala Hasyim Awang (1995) mengangkat Adabi sebagai pengarang reformasi yang mempersoalkan adat yang menghalang kemajuan masyarakat. Menurutnya, Abdul Kadir Adabi menggunakan teknik penceritaan bersifat deduktif untuk menanam kesedaran baharu tentang nasib wanita dan menjadikan karyanya sebagai batu loncatan yang melambangkan kebebasan wanita. Beliau menilai bahawa Abdul Kadir Adabi mengolah watak wanita bukan sekadar untuk menunjukkan penderitaan tetapi untuk memaparkan potensi kepimpinan dan *rasionaliti* mereka.

Karya dan corak pemikiran Abdul Kadir Adabi mencerminkan wacana reformasi yang bukan sahaja relevan pada zamannya tetapi menjadi sumber penting untuk kajian sastera, sejarah sosial dan perbahasan *gender* di Tanah Melayu awal abad ke-20. Integrasi pandangan tokoh akademik banyak membantu memperkukuhkan kefahaman tentang kedudukan beliau sebagai tokoh reformis intelektual yang memanfaatkan sastera sebagai medium perubahan

sosial. Pemikiran Abdul Kadir Adabi tentang emansipasi wanita membuktikan bahawa kesedaran nasionalisme *gender* wanita Melayu bermula lebih awal daripada yang sering direkodkan dalam sejarah gerakan nasionalis wanita. Wacana ini dalam karya beliau bukan sahaja sekadar kesusasteraan tetapi menjadi manifestasi pembinaan masyarakat moden yang lebih adil dan progresif terhadap wanita.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretasi yang berteraskan analisis teks sastera dan analisis wacana bagi meneliti wacana emansipasi wanita dalam pemikiran Abdul Kadir Adabi sebagaimana yang dizahirkan dalam novel *Melati Kota Baharu*. Pendekatan ini dipilih kerana kajian ini tidak bertujuan mengukur fenomena secara statistik. Sebaliknya berusaha memahami makna, ideologi dan struktur pemikiran yang tersirat dalam teks sastera, khususnya dalam konteks perubahan sosial masyarakat Melayu awal abad ke-20. Sebagai kerangka teori utama, kajian ini mengaplikasikan Teori Politik Dua Ruang yang dikemukakan oleh Shamsul Amri Baharuddin. Teori ini menekankan kewujudan dua ruang utama dalam pembentukan realiti sosial dan politik masyarakat, iaitu ruang autoriti *@authority-defined social reality* dan ruang harian atau wacana rakyat *@everyday-defined social reality*. Dalam pelaksanaan metodologi ini, novel *Melati Kota Baharu* dipilih sebagai teks primer kerana ia merupakan antara karya utama Abdul Kadir Adabi yang menampilkan persoalan pendidikan, peranan wanita dan perubahan sosial dalam masyarakat Melayu. Analisis teks dilakukan secara *close reading* dengan meneliti unsur naratif seperti watak, dialog, konflik, latar dan simbolisme yang berkaitan dengan isu emansipasi wanita. Unsur-unsur ini dianalisis bukan sahaja sebagai teknik sastera, tetapi sebagai wacana *ideologikal* yang mencerminkan pertarungan antara dua ruang politik sebagaimana yang dihuraikan oleh Shamsul Amri.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Abdul Kadir Adabi merupakan salah seorang tokoh sastera dan intelektual Melayu awal abad ke-20 yang lahir dan dibesarkan ketika masyarakat Melayu yang sedang berhadapan dengan tekanan kolonialisme British, perubahan struktur sosial tradisional serta kemunculan wacana pembaharuan pemikiran Islam dan sosial. Di lahir pada 17 Ogos 1901 di Kampung Raja Dewa, Kota Bharu dan dibesarkan dalam lingkungan istana. Beliau meninggal pada 24 Februari 1944. Mendapat Pendidikan daripada ayahandanya sendiri dan daripada seorang ulama bernama Haji Nik Daud bin Syeikh Nik Muhammad Pattani. Tulisan-tulisannya menimbulkan kontroversi dan mendapat perhatian daripada golongan *establishment* di Kelantan. Novel Melati Kota Bharu menggambarkan perjuangan politiknya dan diterbitkan secara bersiri dalam majalah *Al-Hikmah* antara tahun 1939 hingga 1940 dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk *"The Jasmine of Kota Bharu*".

Latar pendidikan agama yang kukuh, khususnya pengaruh pemikiran reformis Islam dan kesedaran terhadap ketidakadilan sosial, telah membentuk pandangan dunia tokoh sebagai pengarang yang kritis terhadap penjajahan, feudalisme dan kemunduran masyarakat Melayu. Perkaitan latar belakang pemikiran Abdul Kadir Adabi dengan novel *Melati Kota Bharu* dapat dilihat dengan jelas melalui pengolahan tema-tema nasionalisme, antikolonialisme, reformasi

sosialisme dan emansipasi wanita yang mencerminkan kegelisahan intelektual pengarang terhadap realiti zamannya.

Wanita sebagai agen kesedaran dan Perubahan

Dapatan pertama menyaksikan bahawa novel Melati Kota Bharu menggunakan watak wanita sebagai agen pemikiran memupuk kesedaran baharu tentang hak, identiti dan maruah wanita. Tengku Maimunah tidak ditampilkan sebagai watak pasif sebagaimana lazimnya dalam karya tradisional Melayu sebelum ini, tetapi sebagai individu yang berpendirian tegas serta berani mempertikaikan penindasan oleh adat bangsawan. Tindakan Tengku Maimunah digambarkan sebagai watak yang memiliki kesedaran diri@ *self-awareness* terhadap hak dan kedudukannya selari dengan kemunculan pemikiran wanita baharu dalam masyarakat Melayu tradisional sekitar tahun 1920 hingga 1940. Peningkatan kesedaran ini adalah selari era pemodenan yang mula mempengaruhi masyarakat ketika itu terutamanya daripada keluarga elit Melayu. Zubaidah Abu Bakar (2004) dalam tesisnya menyatakan bahawa wanita Melayu era tersebut sedang mengalami peralihan identiti daripada dibelenggu oleh adat kepada satu peralihan kesedaran intelektual. Misalnya, Dalam novel ini, Tengku Maimunah mula mempersoalkan peraturan keluarga, termasuklah perkahwinan yang diatur tanpa persetujuan darinya.

Beliau bertindak menggunakan hujah moral serta rasional menolak tunangannya Tengku Umar pilihan keluarga dan menerima Abdul Rahman pemuda biasa yang telah mencuri hatinya. Tindakan ini telah menimbulkan konflik di ruang kuasa dengan melihat tindakan tersebut melampaui batas dan terkena *"tulah"*. Sebagai seorang yang berilmu, Tengku Maimunah dengan tegas memberikan pencerahan kepada bondanya dengan tegas mengkritik isu "*tulah"* itu telah lama terkubur dan amalan tersebut adalah amalan di zaman jahiliah yang banyak menzalimi rakyat dan tidak boleh dipegang buat masa sekarang kerana kini zaman yang selamat iaitu zaman keinsafan dan keadilan untuk semua orang. Keadaan ini bersesuaian dengan Sherina Hafid (2001) melihat kemunculan wacana wanita era sebelum merdeka bukan sekadar reaksi sosial tetapi merupakan proses pembentukan *gender* baharu. Justeru itu, beliau berpendapat bahawa karya Abdul Kadir Adabi bukannya menolak dominasi lelaki bukan kerana emosi dan perasaan tetapi kerana kesedaran dan pertimbangan rasional yang dibentuk melalui pendidikan yang diterima dan pengalaman sosial Tengku Maimunah.

Dalam bab 1 Melati Kota Bharu iaitu dialog antara Tengku Maimunah dengan bonda angkatnya Zainab memperlihatkan Tengku Maimunah berfikiran terbuka dan tidak menggemari adat yang mengongkong. Demi mempertahankan hak wanita yang dikongkong adat pusaka dalam sistem *patriarki* beliau bersuara dan memberi komentar dan pencerahan.

> "Benar juga apa yang disebut oleh bonda itu," kata Tengku Maimunah kepada ibu angkatnya Zainab, "jikalau mengikut zaman purbakala, tetapi sekarang masa telah berubah zaman sudahlah beredar, kita manusia ini kenalah adat mengikut masa bukan masa mengikut adat. Kalau berkekalanlah kita berpegang kepada adat sahaja dengan tidak memikirkan peredaran yang sentiasa berubah-ubah lagi maka bukanlah boleh dihitung kita orang yang hidup di dalam kandungan perubahan zaman yang beredar, dan susahlah kita hendak bersaba-saba dengan manusia (1988/1992:1)

> Demikianlah kejadian puteri yang mulia yang menggelarkan orang dengan sebutan "Melati Kota Bharu"…Akan tetapi Tengku Maimunah @ Melati Kota Bharu ada kepada dirinya suatu perasaan yang ganjil iaitulah ia sangat cenderung kepada langkah-langkah peredaran yang baharu dan tersangat kuat kehendaknya kepada memecahkan adat istiadat cara tua hingga ke atas batang tubuhnya sendiri itu pun sentiasanya ia menaruh syak dan berkali-kali datang pertanyaan hatinya adakah dirinya itu sebenar-benar daripada darah raja-raja berhak memakai atau nama Tengku tu…

Sikapnya yang tidak menggemari adat istiadat ini menyebabkan beliau tidak digemari dari kaum kerabatnya. Kebanyakan kalangan keluarga bangsawan tidak berani untuk meminang Tengku Maimunah kerana difitnah akan merosakkan adat pusaka, kecuali keluarga Tengku Umar. Meski pun kecantikan Tengku Maimunah menjadi kegilaan pemuda bangsawan ketika itu.

> Orang tua-tua itu cemburu hatinya pada mengatakan dialah yang akan merosakkan adat pusaka dan darjat kemuliaan bakanya (1988/1992:18).

Dalam bab 2 *"Rumah Orang Bercat Putih*" perbualan Tengku Maimunah dengan ibu angkatnya Zainab dapat dilihat ketegasan Tengku Maimunah dengan menolak perkahwinannya dengan Tengku Umar selepas kematian ayahanda Abdul Manaf dan bondanya. Sebagai wanita yang berilmu dan tegas, beliau memberikan pencerahan kepada bonda angkatnya kenapa beliau menolak perkahwinan dengan Tengku Umar dengan alasan munasabah dan penuh rasional untuk mengubah keadaan pada adat tersebut.

> "Anakanda telah berfikir dengan Panjang dan halusnya atas kadar yang boleh anakanda berfikir di dalam perkara ini dari semenjak anakanda mengetahui ayahanda bonda sebelum kembali ke rahmatullah dahulu hendak menjodohkan diri anakanda dengan Tengku Umar itu. Dan dari masa itulah lagi anakanda tidak nampak yang kehidupan anakanda dengan dia di dalam masa yang akan datang, lain daripada beransur-ansur kurang pada harta benda, berlebih-lebih hina keji di dalam pergaulan hidup orang yang banyak dan akan menyebabkan zuriat anakanda bodoh dan miskin kemudian hari. Dan inilah jua mengikut pendapat anakanda yang menjadi satu sebab yang besar sekali kelak anak cucu daripada baka anakanda akan berpindah daripada bandar-bandar ke daratan negeri dan daripada taraf yang tinggi turun ke bawah tapak kaki orang-orang yang tengku-tengku itu hitungkan hamba abdi sekarang ini (1988/1992:22).

Tindakan Tengku Maimunah mempertahankan hak dan menolak adat kahwin paksa dengan Tengku Umar membawa kepada konflik di antara beliau dengan bonda angkatnya. Pilihan Tengku Maimunah untuk mencari orang kebanyakan untuk dijadikan suami telah menimbulkan kemarahan bondanya.

> "Itu satu kehinaan, seseorang yang berasal turun temurun daripada darah raja-raja hendak bersuamikan orang kebanyakan dan itu semata-mata membuat "Tulah" ke atas orang yang berdosa, orang itu kelak akan ditimpa "Daulat" (1988/1992:21).

Dalam bab ix *Perkhabaran Dari Kelantan* banyak memerihalkan perbualan antara Abdul Rahman dan Tengku Maimunah tentang "*Dasar Buka Pintu*" Semenanjung Tanah Melayu menyebabkan kemasukan pedagang Negeri-negeri Selat terutamannya migran Cina menjadi bualan dalam masyarakat Kelantan. Terdapat ura-ura orang-orang Cina dari Singapura terutamanya dari Cina Persekutuan Hailam-Hailam hendak ditubuhkan di Tanah Melayu. Pertubuhan ini cuba bergabung dengan Cina peranakan Kelantan untuk membina kekuatan. Tengku Maimunah melihat cadangan ini membawa ancaman kepada kerajaan Negeri dan bangsa Melayu:

> Riak-riak mereka itu ada juga abang terdengar pada beberapa bulan dahulu iaitulah mereka itu hendak mengadakan persekutuan kuli-kuli Cina daripada bangsa Hailam. Tetapi abang percaya kerajaan kita tiada akan membenarkan, kerana bangsa itulah yang boleh dilatakan lubuk ajaran dan ikutan komunis di sebelah timur itu. Apakala dibenarkan maka berdiri di dalam Kelantan itu tunjang Komunis yang haruslah bertambah-tambah subur meriak dan besarnya…(1988/1992:117)

Kemasukan mereka sedikit sebanyak membawa kebimbangan Tengku Maimunah dan Abdul Rahman tentang nasib kuli-kuli Orang Melayu yang akan tergugat hak mereka di tanahair sendiri. Ancaman ideologi komunis tersebar dalam ruang marhaen dan akan mencabar ruang autoriti jika tidak dibendung lebih awal.

> Pada pendapat saya pintu terbuka itu amatlah besar membahayanya kepada tanah Melayu dan punca-punca perangai dan pekerjaan bantahan itu datang ia dari luar dan masuk ke mari berhimpun ke dalam lubuk persatuan-persatuan mereka itu di negeri kita, kemudian merebak ia kepada merasuk dan membuat bencana ke seluruh Tanah Melayu mengikut masa-masa dan peluang-peluang yang didapati oleh mereka itu.

Mereka berdua mencadangkan agar *polisi pintu terbuka* itu dihapuskan daripada Semenanjung Tanah Melayu ini untuk mengelakkan masalah ini berlarutan.

> Kebimbangan abang terlebih lagi daripada itu. Bahkan akan menjadi ikutan kepada kuli-kuli Melayu tentang perangai dan pergerakan yang selalu kita dengar di mana-mana yang dilakukan oleh mereka itu seperti memujuk dan merasukkan orang kepada enggan bekerja, bantahan melawan perintah… (1988/1992:171-173)

Dapatan di atas dapat dijelaskan bahawa perjuangan Tengku Maimunah dalam *Melati Kota Bharu* dapat ditafsirkan sebagai manifestasi penting wacana emansipasi wanita yang digagaskan oleh Abdul Kadir Adabi dalam kerangka pemikiran sosiopolitik zaman Melayu tradisional. Penolakan Tengku Maimunah terhadap perkahwinan paksa dan adat pusaka yang membelenggu wanita bukan sekadar tindakan peribadi yang bersifat individualistik tetapi mencerminkan suatu kesedaran kritis terhadap struktur *autoriti patriarki* dan feudal yang mengawal tingkah laku, suara dan masa depan wanita Melayu. Lantaran itu, melalui watak Tengku Maimunah, adat tidak ditolak secara total, tetapi dinilai secara kritis berdasarkan keadilan dan kemanusiaan melalui pencerahan Tengku Maimunah kepada bondanya Zainab dan kadang-kala tunangnya Abdul Rahman secara langsung. Kaedah ini menunjukkan bahawa emansipasi wanita dalam pemikiran Abdul Kadir Adabi bukan bersifat radikal tanpa batas Melalui watak ini, Abdul Kadir Adabi mengangkat emansipasi wanita sebagai suatu proses pembebasan berperingkat yang berakar pada kesedaran diri, rasionaliti dan keberanian moral menentang peraturan dalam kuasa autoriti. Dalam konteks Teori Politik Dua Ruang, tindakan Tengku Maimunah jelas memperlihatkan pertentangan antara ruang autoriti, yang dimanifestasikan melalui adat, hierarki bangsawan dan kuasa keluarga ruang harian@ruang marhaen mewakili rakyat iaitu ruang pengalaman dan kesedaran individu wanita diwakili Tengku Maimunah. Penolakan terhadap perkahwinan paksa menunjukkan usaha Tengku Maimunah untuk keluar daripada penentuan hidup yang ditetapkan oleh ruang autoriti.

Penutup analisis dapatan ini menegaskan bahawa Abdul Kadir Adabi melalui watak Tengku Maimunah telah merealisasikan wacana emansipasi wanita yang bersifat kontekstual, kritikal dan berakar pada realiti masyarakat Melayu awal abad ke-20 ketika itu. Penolakan terhadap perkahwinan paksa dan adat pusaka bukan sahaja mencerminkan perjuangan wanita menuntut hak dan maruah mereka. Apa yang penting usaha Abdul Kadir Adabi meruntuhkan dominasi ruang autoriti melalui pengukuhan ruang harian@marhaen. Langkah ini dilihat sebagai tapak kesedaran nasionalisme dan perubahan sosial. Justeru itu, perjuangan Tengku Maimunah dapat ditafsirkan sebagai salah satu sumbangan penting Adabi dalam sejarah awal pemikiran emansipasi wanita Melayu yang relevan untuk dibaca semula dalam wacana *gender* dan keadilan sosial kontemporari kerana jalur pemikiran beliau menjangkau terhadapan berbanding dengan pengarang-pengarang sezaman dengannya.

Penolakan Sistem Patriarki

Dalam novel Melati Kota Bharu memperlihatkan dengan jelas tekanan *patriarki* melalui institusi keluarga bangsawan di Kelantan. Tengku Maimunah berhadapan dengan sistem perkahwinan paksa dan kawalan ketat terhadap pergerakannya. Sistem *patriarki* sengaja digarap sebagai masej utama dalam novel ini oleh Abdul Kadir Adabi bagi mencerminkan sistem ini telah lama berakar umbi dalam masyarakat Melayu tradisional dan sukar untuk diubah kerana adat dalam keluarga bangsawan. Beliau mengkritik struktur ini dengan menunjukkan penderitaan dan ketidakadilan yang dialami wanita. Justeru itu, isu yang dibawa oleh Abdul Kadir Adabi dilihat berbeza dengan pengarang-pengarang cerita hikayat dan cerita klasik terdahulu melihat watak wanita menerima nasib yang telah ditentukan oleh keluarga tanpa bangkangan dan kritikan. Berbeza dengan watak Tengku Maimunah yang tegas berani menolak Tengku Umar tunangannya dengan alasan yang munasabah. Di sini dapat melihat

corak pemikiran Abdul Kadir Adabi yang jauh menjangkau pemikirannya berbanding dengan pengarang-pengarang sebaya dengan zamannya. Beliau tegas dan berani mengetengahkan isu yang jarang dilakukan oleh pengarang lain. Maznah Mohamad (1996) menyatakan sistem *patriarki* Melayu beroperasi melalui sistem kawalan sosial maruah keluarga. Ketua milik pihak lelaki dan tingkah laku wanita sebagai ukuran moral masyarakat. Nik Safiah (1990) menegaskan bahawa *patriarki* Melayu tradisional jelas menafikan hak pendidikan wanita dan menafikan peranan intelektual. Penolakan *patriarki* dalam karya sastera awal dianggap sebagai usaha membina bangsa melalui pemerkasaan ilmu wanita.Ini jelas dalam *Melati Kota Baharu* apabila wanita digambarkan berilmu, berfikir dan berwacana.

Abdul Kadir Adabi mengkritik sistem ini dengan memaparkan bagaimana Tengku Maimunah mengupas ketidakadilan yang dilalui melalui dialog-dialog tertentu dengan bonda angkatnya Zainab. Isu ini telah menjurus kepada pertembungan nilai adat dan nilai moden. Gambaran berlakunya konflik di antara ruang kuasa autoriti dan ruang marhaen. Dengan kata lain, Abdul Kadir Adabi dilihat berupaya menggunakan watak Tengku Abdul Rahman bukan sahaja melawan individu tetapi melawan sistem nilai ketika itu. Penolakan ini memperlihatkan bahawa emansipasi wanita dalam novel ini bukan fenomena peribadi tetapi menjadi fenomena yang mencabar sistem dan struktur *patriarki* misalnya mempertikaikan gelaran adat yang lama bertapak dalam masyarakat Melayu tradisional iaitu penggunaan gelaran *"Tengku"* di kalangan keluarga bangsawan.

Dalam bab 3 *Perkuburan Kelumpang*, isu gelaran *"Tengku"* banyak dibahaskan oleh Tengku Maimunah dengan bondanya Zainab. Gelaran Tengku yang diterima dan diwarisi dari jurai keturunan dipertikaikan oleh Tengku Maimunah. Beliau dilihat menyalahkan adat ibubapa bangsawan menikahkan puteri-puteri mereka dengan bersuamikan tengku demi menjaga adat sehingga anak-anak dan cucu cicit mereka menderita di kemudian hari.

> Ayahanda bonda mereka itu sendirilah yang membuat kesilapan kerana sudahlah ilmu pengetahuan tidak diberi kepada puteri-puterinya bersuamikan yang lain daripada mereka bukan bergelar atau bernama Tengku tak boleh pula, walaupun bagaimana banyak ilmu pengetahuan daan luas akal bicaranya kerana bukan taraf dengan mereka (1988/1992:34).

Abdul Kadir Adabi membuat perbandingan dengan Barat terutamanya dengan British yang tidak berkira dengan darjat dalam sesuatu perkahwinan asalkan bahagia. Ini berbeza dengan Melayu yang bertegang urat memegang adat dan menjaga darjat dalam sesuatu ikatan perkahwinan walaupun anak mereka menderita.

> Princess Mary yang bergelar Princess Royal saudara baginda King George yang ke enam sekarang, tengku Maimunah menambahkan fikirannya ialah puteri kepada mendiang King George yang orang keluaran seperti nenekanda saudaranya Daches of Argyl juga berkekalan hingga kepada masa ini di dalam aman Sentosa dan berbahagia dengan suaminya dan yang telah mendapat gelaran Bercount Lessel itu.

> Maka alangkah jauhnya perbezaan yang dipakai oleh ayahanda bonda puteri Tengku-tengku Melayu ini dengan raja-raja bangsa yang lain itu seperti juga jauhnya perbezaan antara Timur dengan Barat itu (1988/1992:34).
>
> Aduhai malangnya puteri-puteri bagi bangsa saya, kata hati Tengku Maimunah.Mereka telah ditambat dengan suatu kalimah "Tengku" dan terbelenggu oleh iktikad dan kepercayaan yang tidak berapa bermakna di dalam perhimpunan orang banyak yang kenal akan hakikat kejadian manusia dan kehidupan ala mini (1988/1992:34).

Justeru itu, sistem kahwin paksa ini menjadi kemestian sebagai alat penyatuan status, harta dan kepentingan politik keluarga bergelar tengku dalam kaum kerabat istana dan sukar dipecahkan adatnya. Penolakan Tengku Maimunah terhadap perkahwinan tersebut bukan sekadar tindakan emosional, tetapi merupakan bentuk penentangan sedar terhadap autoriti lelaki yang dimiliki oleh keluarga Tengku Umar. Perkahwinan tersebut diputuskan oleh khususnya bapa dan elit keluarga yang memonopoli hak membuat keputusan ke atas tubuh dan masa depan wanita itu Tengku Maimunah. Selepas kematian ayahandanya, Tengku Maimunah bebas membuat keputusan tidak meneruskan perkahwinan tersebut sehingga menimbulkan polemik dengan bonda angkatnya Zainab.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa watak Tengku Maimunah dalam novel *Melati Kota Baharu* berfungsi sebagai agen penolakan terhadap sistem *patriarki* yang berakar dalam struktur sosial, adat dan kuasa feudal masyarakat Melayu awal abad ke-20. Penolakan ini tidak dizahirkan melalui konfrontasi radikal atau pemberontakan terbuka. Sebaliknya melalui tindakan berprinsip, rasional dan berlandaskan kesedaran diri yang menuntut hak. Hal ini menunjukkan bahawa Abdul Kadir Adabi mengaplikasikan penentangan terhadap *patriarki* sebagai suatu proses kesedaran yang berkembang dari ruang pengalaman individu wanita.

Selain itu, dapatan analisis turut memperlihatkan bahawa penolakan Tengku Maimunah terhadap adat pusaka yang membelenggu wanita menandakan kritikan terhadap adat sebagai mekanisme *patriarki* yang diwarisi dan disahkan secara turun-temurun. Adat dalam konteks ini berfungsi sebagai ruang autoriti yang mengekalkan ketidaksamaan *gender*, khususnya dalam aspek pemilikan, kuasa dan hak membuat keputusan. Penolakan terhadap adat pusaka tersebut memperlihatkan usaha untuk mendekonstruksi legitimasi adat *patriarki* dengan menilai semula keadilan dan kemanusiaannya. Penolakan ini bukan sahaja menyingkap ketidakadilan sistem *patriarki* terhadap wanita, tetapi turut memperlihatkan peranan wanita sebagai subjek aktif dalam proses perubahan sosial yang dilhat asing ketika itu. Tengku Maimunah muncul sebagai simbol awal kebangkitan kesedaran *gender* dalam sastera Melayu moden, sekali gus memperkukuh kedudukan *Melati Kota Baharu* sebagai teks penting dalam sejarah pemikiran emansipasi wanita Melayu.

Pendidikan Mekanisme Pembebasan Wanita

Isu Pendidikan juga tidak kurang juga pentingnya cuba diketengahkan oleh Abdul Kadir Adabi dalam novel ini. Abdul Kadir Adabi sengaja meletakkan Tengku Maimunah sebagai tokoh

berilmu. Isu pendidikan wanita terlalu signifikan untuk mengupas bagaimana pendidikan menjadi pintu kesedaran wanita baharu dalam masyarakat Melayu tradisional. Justeru itu, Tengku Maimunah mewakili watak tersebut kerana mencintai ilmu. Majalah *Al Hikmah, Pengasuh* menjadi peneman sejak dari kecil hasil didikan ayahandanya. Willian Roff (1967) menegaskan bahawa Pendidikan memainkan peranan besar dalam memunculkan nasionalisme moden dan mampu mengubah struktur sosial termasuklah kedudukan wanita. Pendidikan telah memberikan wanita akses kepada bahasa moden, wacana pendidikan, serta pengetahuan yang memungkinkan mereka mula meluahkan pandangan dalam ruang autoriti tradisi. Dalam novel ini Tengku Maimunah menggunakan ilmu yang dimiliki dalam menilai tindak tanduknya dalam membuat keputusan. Sebagai wanita yang berilmu, keputusan yang dibuat sering menimbulkan polemik dalam ruang autoriti dan konflik dalam ruang marhaen. Abdul Kadir Adabi dilihat berjaya membawa watak wanita iaitu Tengku Maimunah kepada watak seorang yang berani dan bebas bersuara dan bebas cara berfikir tanpa kongkongan adat.

> Rumah yang tersebut ini dipunyai oleh Tengku Abdul Manaf seorang kaya yang tersangat gemar kepada aturan-aturan dan adat istiadat cara baharu, dengan sebab banyak pergaulan dan kawan temannya di negeri-negeri lain seperti Singapura, tanah-tanah Indonesia…oleh sebab itulah ia menyalahkan adat-adat lama yang tidak suka atau melarang anak-anak perempuan bagi raja-raja itu belajar di dalam sekolah-sekolah.Maka dengan tidak menghiraukan tegahan dan larangan adat lama itulah ia telah menghantar anak perempuannya masuk belajar ke dalam madrasah Muhammadiah, Majlis Agama Islam Kelantan hingga mendapatkan anaknya pelajaran-pelajaran agama dan ilmu pengetahuan baharu mudah dan segera (1988/1992:15).

Analisis terhadap watak Tengku Maimunah dalam *Melati Kota Baharu* menunjukkan bahawa Abdul Kadir Adabi mengaplikasikan pendidikan sebagai mekanisme pembebasan wanita yang bersifat struktural dan *epistemologikal*, bukan sekadar sebagai alat mobiliti sosial. Berani berhujah dan kritik golongan feudal hasil didikan yang diterima daripada ayahandanya Tengku Abdul Manaf. Dapatan kajian ini mendapati bahawa melalui pendidikan, Tengku Maimunah membina keupayaan berfikir secara rasional dan reflektif, sekali gus memutuskan rantaian penerimaan pasif terhadap perkahwinan paksa dan adat pusaka yang mengekang wanita. Keupayaan intelektual ini tidak hanya membolehkan beliau mengenal pasti ketidakadilan, tetapi juga membina hujah moral dan sosial untuk menolak struktur kuasa tersebut. Tengku Maimunah digambarkan sebagai individu yang membuat keputusan berdasarkan pertimbangan akal dan nilai, menandakan bahawa emansipasi wanita yang diusulkan oleh Abdul Kadir Adabi bergantung pada keupayaan wanita untuk menstrukturkan pemikiran dan tindakan secara berprinsip. Hal ini menegaskan bahawa tanpa pendidikan, penentangan terhadap *patriarki* akan kekal terhad dan mudah dineutralkan oleh ruang autoriti. Menurut Ramlah Adam (2004) wanita dalam gerakan nasionalisme menjadi simbol pembaharuan sosial, mencabar struktur kolonial dan tradisional secara serentak.

Beliau menegaskan bahawa reformasi Melayu termasuklah penulis dan pendidik wanita memainkan peranan dalam kebangkitan kesedaran kelas, menolak feudal dan memperjuangkan hak Pendidikan wanita. Syed Muhd Khairudin Aljunied (2013) telah menganalisis peranan

gerakan wanita radikal seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS**)** dalam konteks kolonial British, menentang pelbagai bentuk hegemoni dan menegaskan bahawa aktivis wanita bukan sekadar peserta sokongan tetapi perjuangan politik yang cuba mencipta ruang autonomi dalam gerakan nasionalisme. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa Abdul Kadir Adabi meletakkan pendidikan sebagai teras kepada projek emansipasi wanita yang bersifat lestari dan kontekstual. Melalui watak Tengku Maimunah, pendidikan ditampilkan sebagai mekanisme pembebasan yang bukan sahaja membentuk kesedaran individu wanita, tetapi juga berpotensi mencetuskan perubahan sosial yang lebih luas. Kesimpulan ini memperkukuh hujah bahawa emansipasi wanita dalam *Melati Kota Baharu* dibina melalui proses intelektual yang beransur-ansur, berakar pada ilmu, dan berfungsi sebagai strategi pembebasan yang realistik dalam konteks masyarakat Melayu awal abad ke-20.

Emansipasi Wanita dan Nasionalisme Melayu

Perjuangan wanita dalam novel *Melati Kota Baharu* dilihat sebagai sebahagian perjuangan kebangsaan. Ini adalah kerana emansipasi wanita juga tidak dapat dipisahkan daripada agenda kemajuan dan kebangkitan bangsa pasca kemerdekaan. Tengku Maimunah dilihat sebagai watak yang terlibat sama menyumbang kepada pembentukan bangsa dan kemerdekaan negara. Farish A. Noor (2012) gerakan nasionalisme di Asia Tenggara sering meletakkan isu *gender* dengan tuntutan reformasi sosial dan antikolonialisme. Dalam novel sebelum perang gerakan semangat nasionalisme juga lahir daripada gerakan emansipasi wanita kerana melawan tindakan penindasan. Isu perjuangan wanita sering diketengahkan dalam ruang marhaen dan menjadi isu perbahasan. Analisis dapatan terhadap watak Tengku Maimunah dalam novel *Melati Kota Baharu* memperlihatkan bahawa Abdul Kadir Adabi membina wacana emansipasi wanita sebagai suatu projek kesedaran sosial yang bersifat berperingkat dan berakar pada realiti masyarakat Melayu. Kesedaran ini bukan berbentuk pemberontakan radikal yang memutuskan hubungan dengan tradisi secara mutlak tetapi emansipasi wanita dalam teks ini ditampilkan sebagai hasil interaksi antara kesedaran individu wanita dengan struktur kuasa *patriarki,* feudal dan kolonial yang membentuk kehidupan sosial zamannya. Misalnya;

Dalam bab VII *" Di Tepi selat Melaka"* pengarang Abdul Kadir Adabi melalui watak Tengku Maimunah mengkritik pembesar feudal Melayu yang lemah dengan muslihat-muslihat penjajah seperti Portugis dan Belanda sehingga Melaka dapat dikuasai. Kelemahan pembesar yang alpa dengan perjanjian sulit dengan tipu muslihat menyebabkan tanahair tergadai dan meninggalkan kesan kepada cucu cicit kita sampai sekarang.

> Tetapi apabila teringatlah kita kepada nama tanjung yang disebut orang dengan gelaran Tanjung Keling itu maka tak dapat tiadalah kita teringat kepada keadaan orang-orang dagang lepas satu ke satu satu bangsa yang telah datang ke Tanah Melayu dan sampailah kepada nama bangsa Portugis yang ialah satu daripada bangsa yang mendatangkan bencana ke atas orang-orang dan negeri Melaka itu pada zaman yang telah lalu (1988/1992: 203-204).

Dalam bab x *"Melalui Jajahan Siam*" perbualan Abdul Rahman dan Tengku Maimunah berkaitan dengan pajakan Pulau Pinang oleh Great Britain. Isu yang cuba dibawa ialah tentang Pulau Pinang adalah sebenarnya milik Kedah, kerana kekhilafan isi perjanjian tentang tempoh masa pajakan membuatkan Pulau Pinang tidak boleh diambil kerana tipu muslihat Great Britain. Isu ini berlarutan sehingga sekarang dan tiada penyelesaian.

> …mengingatkan pulau ini kepunyaan negeri Kedah yang disewa atau dipajak oleh Great Britain dan aka nada masanya suatu hari nanti kembali kepada kekuasaan Kedah sendiri.
> Pada fikiran abang mudahkah kedah mendapatkan balik pulau pinang ini?
> "Mudah itu tidak adik, tetapi perjanjian antara Kedah dengan British berkenaan dengan pulau ini apakala sampai kepada timbangan yang sempurna, pada perasaan abang, tentulah batal kerana laranya.
> "Tentang Mana yang abang Nampak laranya perjanjian itu?
> "Terutamanya tentang perkataan, "selagi ada bulan dengan matahari" itu, kerana tidaklah munasabah perkataan yang tiada perhinggaan itu dibuat sandaran bagi mengesahkan perjanjian pajakan atau sewaan di dalam pandangan yang keadilan."
> "Bukan harapan lagi bahkan keadilan itu kelak akan memulangkan Pulau Pinang kepada Kedah di dalam masa yang munasabah baginya.Jika tidak di dalam masa kita ini adalah masa anak cucu kita kemudian hari. Asalkan Kedah dan orang-orang kita Melayu tiada akan membuat khilaf di dalam perkara itu di dalam perjalanan menuju kepada masanya itu (1988/1992: 251-252).

Daripada Pulau Pinang, perjalanan dua pasangan ini diteruskan hingga ke Patani dan perbualan kedua-dua tokoh ini berlanjutan tentang kejatuhan Patani kepada kerajaan Siam dan nasib yang diterima dengan segenting Kra. Kejatuhan Patani adalah disebabkan oleh kealpaan dan kelemahan pentadbiran pembesar-pembesar Melayu sehingga kedaulatannya dicabuli.

> ..daripada melawat bekas-bekas berkenaan dengan tawarikh yang menandakan kebesaran kerajaan Melayu di Patani pada zaman-zaman yang telah lalu…..perasaan-perasaan membandingkan zaman negeri itu diperintah oleh kerajaan Melayu yang tua itu dengan keadaan-keadaannya di dalam pemerintahan Thai sekarang ini.
> Tetapi pihak raja-rajanya telah hancurlah kehormatan mereka itu dan kemegahannya seolah-olah puting tiang kebesarannya terbalik yang dibawah telah songsang ke atas. Dan sebabnya apabila diperhalusi dengan cermat dan ditilik dengan pertilikan yang halus maka tiada yang terlebih utama sekali itu daripada leka dan lupa orang-orang besar dan raja-raja Melayunya oleh bersedap-sedap dengan kebesaran dan kelebihan di antara dirinya dan tarafnya… (1988/1992: 195)

Bab XI "*Di Bawah Bayangan Cahaya Bulan*" perbualan antara Abdul Rahman dan Tengku Maimunah berkisarkan tentang Cina-cina migran menjalankan perniagaan penyeludupan di sempadan. Perniagaan penyeludupan getah-getah gelap berleluasa sehingga menjadikan mereka kaya raya. Orang Cina pendatang ini mendapat untung yang berlipat ganda dengan menjalankan perniagaan penyeludupan di sempadan dan menggunakan anak-anak bangsawan yang kaya raya bergelar Tengku berkongsi niaga dengan tipu muslihat sehingga menjadikan anak Melayu yang kaya raya menjadi bangkap. Situasi yang berlaku ini sedikit sebanyak mencerminkan rasa cinta Tengku Maimunah kepada tanahair Kelantan. Tengku Maimunah pengkritik pemerintah kerana membiarkan aktiviti penyeludupan di sempadan yang merugikan kerajaan negeri dengan tidak membayar cukai.

> Orang-orang Cina itu sendiri pernah berkata iaitu daripada adat pekerjaan mencari laba padahal yang sebenarnya cina-cina itulah menjadi tukang hasut berulang-ulang hingga daripada miskin telah menjadi kaya-raya dan anak-anak orang kaya itu pula daripada berharta telah menjadi bangsat (1988/1992:217).

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa mesej emansipasi wanita dalam novel *Melati Kota Bharu* karya Abdul Kadir Adabi membawa beberapa implikasi signifikan kepada generasi ilmuwan dan sejarawan khususnya dalam memahami evolusi pemikiran politik, budaya Melayu tradisional pengarang. Implikasi-implikasi ini tidak hanya berkisar pada penemuan naratif dalam teks, tetapi turut menimbulkan keperluan metodologi dan epistemologi baharu dalam mengkaji sejarah intelektual masyarakat Melayu tradisional. Justeru itu, kajian ini menuntut ilmuwan dan sejarawan menilai semula anggapan bahawa wanita pada awal abad ke 20 hanya berfungsi sebagai objek pasif dalam struktur sosial tetapi sebagai agen pemikiran yang aktif, berani mempersoalkan ruang autoriti. Selain itu, kajian ini juga berjaya membuka ruang kepada ilmuwan untuk melihat ketamadunan Melayu bukan hanya melalui kerangka elit atau perjuangan nasionalisme *maskulin* tetapi melalui dinamika *gender* wanita yang membentuk bangsa dan negara. Adalah diharapkan juga novel ini mampu berfungsi sebagai dokumen sejarah yang merakam wacana, konflik dan pemikiran di zaman kolonial. Generasi ilmuwan dan sejarawan juga perlu memberikan perhatian lebih mendalam kepada teks ini sebagai sejarah intelektual.

RUJUKAN

Abdul Kadir Adabi,(1988), *Melati Kota Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alatas, S. H. (1977). *The Myth of the Lazy Native*. Routledge.

Barbara Watson Andaya (2006), *The Flaming Womb: Respositioning Women in Early Moden Southeast Asia.*

De Beauvoir, Simone. (1949). *Le Deuxième Sexe.* Gallimard.

Farish A (2002), T*he Other malays: Nationalism and the politics og Gender.*

Hashim Awang (1995), *Pemikiran Sastera Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liaw yock Fang (2011) *Tesis Sarjana Kesusteraan Melayu,Kesusteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mary P. Ryan (1980), *Womanhood in America: From Colonial Times to the Present*

Maznah Mohamad. (2000). *Gender and Malay Political Culture, Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia.*

Mohd. Taib Osman (1989), *Malay Worldview and Social Change.*

Mohd. Yusof Abdullah. (2003),Reformisme Melayu dan Kepengarangan Adabi. *Jurnal Pengajian Melayu*, 12(2), 33–56.

Muhammad Haji Salleh. (1991). *Tradisi dan Modenisasi dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roff, W. R. (1967). *The Origins of Malay Nationalism*. Yale University Press.

Roff.,Willliam R (1967), *The Origins, Islam and the State in Malaysia*

Rogayah A. Hamid (2006), *Peranan Wanita dalam Masyarakat Melayu Tradisional.*

Ryan, Mary P. (1980), *Cradle of the Middle Class: The Family in Oneida County, New York, 1790–1865,*Cambridge University Press.

Scott, Joan W. (1986). *Gender and the Politics of History.* Columbia University Press.

Shamsul Amri Baharuddin. (2001),*Politik Dua Ruang*, UKM.

Shamsul Amri Baharuddin.(1999*), Politik Dua Ruang: Tafsiran baru Politik Malaysia*

Sherina Hafid (2001) *Women and Malay Modernity: A Historical Review*

Simone de Beauvoir (1949) *Le Deuxième Sexe* Perancis Éditions Gallimard

Zubaidah Abu Bakar (1994),*Wanita Melayu dalam Arus Modenisasi 1900–1941*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syed Muhd Khairudin AlJunied (2013**)** *Journal of Social History* (Oxford Academic) Vol.47, Issue 1, 153-175

Ramlah Adam. (2004), *Gerakan Radikal Melayu (1938-1965)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim (1990) *Wanita Melayu: Isu dan Cabaran,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Husin Alatas(1977) *The Myth Of The Lazy Native*. Frank Cass

Ann Laura Stoler (2002*) Carnal Knowladge And Imperial Power,* University California Press

Syed Naguiq Al Attas (1978), *Islam and Scularism*, ABIM

Hasnah bt Hussiin (2011) Isu Penduduk Wanita Melayu Dalam Akhbar dan Majalah Melayu 1920an hingga 1940an, *Jurnal of Darpartment of History* 19(19), 135-151.

Muhamad Rahimi Hasan(2020) Emansipasi dan Nasionalisme Dalam Politik Melayu Pra Merdeka:Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. *International Jurnal of the Malay word and Civilisation*, 8(1), 69-78.